



**1. PENOLONG PENGAWAS PAKAIAN DAN SOLEK  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang *Dressmaking and Tailoring* / Pakaian / *Cosmetology* / Persolekan / Pendandanan Rambut atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang tersebut adalah kelebihan

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Pembantu Pakaian dan Solek atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji E.2 tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2 / D.1 tidak kurang dari 4 tahun.

2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik adalah kelebihan.
3. Mempunyai minat dalam bidang pakaian /persolekan / pendandanan rambut.
4. Mempunyai pengalaman dalam bidang pakaian / persolekan / pendandanan rambut adalah kelebihan.
5. Mestilah lulus dalam ujian praktikal (*audition*) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.




## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PENGAWAS PAKAIAN DAN SOLEK:**

### **Sub-Unit Pakaian**

1. Menyelenggarakan tugas-tugas yang berkaitan dengan perkhidmatan pakaian kepada semua Artis/Pengacara/Juruhebah/Pembaca Berita dan sebagainya bagi rancangan yang berkenaan yang disiarkan ke Televisyen Brunei.
2. Bertugas mengikut jadual kerja-kerja harian Sub-Unit tersebut bagi keperluan penerbitan rancangan Televisyen / berita di studio ataupun di lokasi luar.
3. Bersedia semasa pengambaran rancangan secara langsung / rakaman di studio ataupun di lokasi luar hingga selesai rancangan tersebut.
4. Membuat / menseterika / membetulkan atau mengubah bentuk pakaian yang diperlukan.
5. Menyediakan penggunaan pakaian untuk semua Artis / Pengacara / Juruhebah / Pembaca Berita dan sebagainya serta menyimpan semula pakaian tersebut secara sistem yang teratur.
6. Membantu Ketua Sub-Unit Pakaian atau Pereka Pakaian dalam mencipta dan menghasilkan rekaan bentuk pakaian yang bermutu tinggi.
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

### **Sub-Unit Solek dan Dandanan Rambut:**

1. Menyolek atau menyelenggarakan tugas-tugas yang berkaitan dengan perkhidmatan solekan kepada semua Artis / Pengacara / Juruhebah / Pembaca Berita dan sebagainya bagi rancangan yang berkenaan yang disiarkan ke Televisyen Brunei.
2. Bertugas mengikut jadual kerja-kerja harian Sub-Unit tersebut bagi keperluan penerbitan rancangan Televisyen / berita studio ataupun di lokasi luar.
3. Bersedia semasa pengambaran rancangan secara langsung / rakaman di studio ataupun di lokasi luar hingga selesai pengambaran rancangan tersebut.



4. Disamping menyolek, Penolong Pengawas Pakaian Solek dan Pakaian juga bertugas untuk mendandan rambut dan memakaikan tudung untuk Artis / Pengacara / Juruhebah / Pembaca Berita dan sebagainya jika diarahkan.
5. Membantu Ketua Sub-Unit Solek dan Dandanan Rambut dalam mencipta dan menghasilkan rekaan imej solekan yang bermutu tinggi.
6. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.